



Headline: Pesara rugi hampir RM180,000
Publication/Portal: Utusan Malaysia
Date: 1 August 2019

Language: Malay
Section: Dalam Negeri
Page: 12

Pesara rugi hampir RM180,000

PULAU PINANG 31 Julai - Seorang pesara wanita berusia 69 tahun di Bayan Baru di sini kerugian sebanyak RM179,890 selepas ditipu sindiket Macau Scam.

Mangsa pada mulanya menerima panggilan pada 12 Julai lalu daripada individu bernama Firdaus menerusi nombor 019-3289580 yang kononnya mendakwa pegawai polis dari Ibu pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur.

Ketua Polis Daerah Barat Daya, Superintenden A. A. Anbalagan berkata, individu berkenaan mendakwa nama mangsa digunakan sindiket aktiviti judi dalam talian di Kuala Lumpur dan meminta mangsa me-

mindahkan wang ke dalam akaun yang diberikan kerana akaunnya akan disekat Bank Negara Malaysia (BNM).

Menurutnya, mangsa menafikan terlibat dalam aktiviti itu namun dimaklumkan akan ditangkap polis sekiranya enggan memberikan kerjasama.

“Mangsa yang takut kemudiannya mengikut arahan pemanggil berkenaan dan membuat beberapa transaksi pemindahan wang ke akaun bank yang diberikan suspek.

“Bagaimanapun, selepas berasa tertipu dan diberitahu panggilan itu adalah *scammer*, mangsa kemudiannya membuat laporan polis,” katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Anbalagan mengingatkan orang ramai supaya lebih berhati-hati dan peka apabila menerima panggilan daripada individu tidak dikenali yang mendakwa daripada pihak berkuasa.

Ujarnya, orang ramai tidak seharusnya mendedahkan maklumat peribadi seperti nombor akaun bank atau kad ATM apatah lagi memindahkan wang ke akaun individu yang tidak dikenali.